

NO. SOALAN : 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan umum mengetahui bahawa Negara telah mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) 100% dalam pengeluaran ayam. Namun kenapakah harga ayam masih lagi tidak stabil di pasaran terutamanya pada musim perayaan.**

## **JAWAPAN**

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

Sebagai sebuah Negara yang mengamalkan pasaran bebas, harga barang adalah ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Barang yang dikawal harganya oleh Kementerian ini adalah barang keperluan asas serta barang keperluan rakyat semasa musim perayaan sahaja. Semasa musim perayaan, Kerajaan mengawal harga ayam bagi memastikan ianya tidak melonjak naik. Kawalan harga ini di buat di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit. Dengan pelaksanaan kawalan harga yang dikenali sebagai Skim Kawalan Harga Musim Perayaan, harga ayam akan menjadi stabil bagi tempoh musim perayaan. Selain dari jenis barang keperluan dan tempoh masa perayaan tertentu, harga ditentukan oleh pasaran tanpa campur tangan kerajaan.

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas barang yang dikawal secara aktif di semua peringkat sama ada pengeluar, pemborong, pasaraya, kedai runcit, pasar malam, pasar awam dan kedai-kedai yang menjual barang yang terbabit bagi mengekalkan kestabilan harga pada masa-masa selain musim perayaan.